



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|---|
| <p>1. PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dilantik jawatan ini.
3. Mempunyai pengalaman mengajar dalam Pendidikan Khas Ugama dan mempunyai kebolehan membaca *Braille* Jawi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai tenaga pengajar Pendidikan Khas Ugama di mana-mana persekolahan Ugama, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah Ugama, sekolah-sekolah Arab seluruh negara;
2. Membantu dalam membuat perancangan serta pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan atau program-program Pendidikan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas;
3. Menyediakan Pelan Tindakan program Pendidikan Khas Ugama;
4. Menyelaras dan menjalankan program Pendidikan Khas bagi Sekolah-Sekolah Ugama;



5. Melibatkan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh Sekolah, Jabatan dan Kementerian; dan
6. Tugas-tugas lain dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.